

LAWATAN PM KE KILANG KULITKRAF KOTA BHARU

● **PERDANA** Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri mendengar dengan teliti penerangan dari seorang pegawai pegawai Kulitkraf Malaysia ketika beliau berdua melawat kilang kasut syarikat itu di Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam.

Di belakang Datin Hasmah ialah isteri Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Noraini.

Di samping melawat kilang tersebut, Perdana Menteri juga melawat kilang Putman Malaysia Sdn. Bhd di kawasan perusahaan Pengkalan Chepa itu.

Kilang tersebut ialah kepunyaan pelabur Jerman. Keseluruhan pekerja kilang tersebut terdiri dari Bumiputera, manakala pakar-pakarannya dari rakyat Jerman.

